

15/01/2002

Pembangkok bagai pelakon opera kehilangan modal

Khairul Anwar Rahmat

SEBAGAI bekas pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), Timbalan Pengerusi Biro Teknologi Maklumat Pemuda Umno Malaysia, Md Jais Sarday, hairan bagaimana pelajar boleh diperalatkan oleh pembangkang dalam menjayakan agenda parti berkenaan, termasuk mengundang padah menjadi 'ejen' pembangkang.

Beliau juga melihat Keadilan tidak ada masa depan dalam arena politik tempatan.

Ikuti temu bual wartawan, KHAIRUL ANWAR RAHMAT, dengan beliau yang menyentuh pelbagai isu semasa.

BH: Baru-baru ini, beberapa pelajar IPT tempatan ditahan polis kerana didakwa menceroboh bilik gerakan Barisan Nasional (BN) di Indera Kayangan, Perlis. Sebagai bekas pemimpin pelajar, apa pandangan saudara?

MD JAIS: Kejadian yang berlaku ketika kempen pilihan raya kecil sedang hangat ini menjadikan saya geram dengan sikap segelintir mahasiswa yang membiarkan diri mereka terus diperalat pihak tertentu. Tindakan golongan ini sebenarnya turut mengecewakan majoriti pelajar IPT yang mendukung aspirasi kerajaan. Melalui pengalaman saya sebagai pemimpin pelajar, sebenarnya mereka yang aktif dalam politik pembangkang tidak mewakili sebahagian besar mahasiswa. Bagaimanapun, mereka dikawal oleh parti pembangkang yang menjadikan mereka lebih berani dan agresif apabila berdepan dengan kerajaan.

BH: Adakah sikap seperti ini akan melahirkan pemimpin yang baik pada masa depan?

MD JAIS: Jika penuntut IPT bercita-cita menjadi pemimpin negara, mereka sepatutnya memikirkan kepentingan negara ini. Seorang pemimpin yang baik akan mengupas isu berdasarkan idealisme dan pemikirannya, bukannya terikut-ikut fahaman parti pembangkang. Sebagai golongan terpelajar, penuntut IPT perlu melihat sesuatu isu dengan kematangan dan ilmu yang ada. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejak sekian lama berusaha memimpin Malaysia ke arah negara maju.

Sebagai pewaris kepemimpinan, kita seharusnya membantu beliau dengan idea dan saranan yang bernas. Jika pelajar membiarkan diri mereka diperalatkan pembangkang, tidak mustahil mereka juga akan diperalatkan pihak asing jika ditakdirkan memerintah negara ini.

BH: Bagaimanapun, pembangkang mendakwa penangkapan pelajar berkenaan hanyalah sandiwara BN dalam menghadapi pilihan raya kecil Indera Kayangan?

MD JAIS: Inilah masalahnya jika hati dan perasaan mereka sudah buta dengan segala kebaikan kerajaan. Adalah tidak munasabah bagi kerajaan untuk sentiasa bersandiwara dalam setiap tindakannya. Malah, pembangkang juga mendakwa peristiwa di Sauk yang mengorbankan nyawa anggota keselamatan sebagai satu sandiwara. Sebenarnya, mereka (pembangkang) yang selalu bersandiwara. Pembangkang bagaikan pelakon pentas yang sentiasa berusaha memutarbelitkan fakta dan kejadian untuk mendapatkan sokongan rakyat. Jika tidak memesongkan sesuatu isu, pembangkang akan kehilangan modal.

BH: Apakah nasihat saudara kepada pelajar IPT yang masih cenderung menyokong parti pembangkang?

MD JAIS: Saya berharap mereka sedar bahawa parti pembangkang memang mempunyai kaedah yang tersusun untuk mempengaruhi pelajar membenci kerajaan. Biasanya, mereka akan masuk ke kampus dan tanamkan semangat memberontak di kalangan pemimpin pelajar. Bagaimanapun, saya pasti

majoriti pelajar IPT sudah bijak membezakan intan dan kaca.

Dulu, ramai antara rakan saya yang menyertai kumpulan penentang kerajaan dan bertanding pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atas tiket pembangkang. Tetapi, kini semuanya sudah sedar bahawa tindakan mereka dulu salah dan kebanyakan mereka menjawab jawatan penting dalam kerajaan. Justeru, saya menyeru kepada semua pelajar supaya membuka minda seluas-luasnya dan tidak terkongkong dengan mana-mana parti politik. Jangan terlalu ghairah untuk berpolitik hingga mengabaikan pelajaran.

BH: Apa pandangan saudara mengenai pendedahan Perdana Menteri bahawa 50 rakyat Malaysia dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian al-Qaeda?

MD JAIS: Sudah tentu berita ini mengejutkan seluruh rakyat Malaysia. Syukur Alhamdulillah, sebahagian individu yang dikenal pasti sudah diberkas. Apa yang membimbangkan kita ialah golongan ini mendapat latihan ketenteraan di Afghanistan. Jika tidak dibendung, mereka mungkin melakukan serangan dan keganasan yang akan menghuru-harakan negara ini.

BH: Bagaimana saudara menilai laporan Jane's Intelligence Review yang mengaitkan negara kita dengan penganas yang terbabit dalam tragedi 11 September di Amerika Syarikat tahun lalu?

MD JAIS: Laporan seperti ini tidak lain bertujuan menjatuhkan imej negara kita di mata dunia. Sebab itu, Dr Mahathir dari awal lagi sudah mengingatkan rakyat Malaysia supaya tidak terbabit dengan kegiatan yang boleh memberi imej negatif kepada negara. Pihak Barat sentiasa mengintai peluang memburuk-burukkan Malaysia dengan mengaitkan negara ini dengan penganas.

Bagaimanapun, segelintir rakyat negara ini membuka ruang kepada tanggapan seperti ini dengan menganjurkan demonstrasi jalanan yang mencetuskan rusuhan. Justeru, saya berharap pihak berkenaan mengambil iktibar daripada laporan seperti ini kerana ia akan memberi kesan buruk kepada negara dalam jangka masa panjang.

BH: Bagaimana pula dengan dakwaan terbaru Pas bahawa rampasan senjata di Grik adalah sandiwara kerajaan?

MD JAIS: Sikap yang ditunjukkan mereka membuktikan satu lagi sikap berdolak-dalik dan pembohongan parti itu kepada rakyat. Nampaknya, pembangkang semakin tertekan dalam usaha mengembalikan imejnya yang semakin pudar di kalangan rakyat. Sebelum ini, mereka dakwa peristiwa di Sauk ialah sandiwara. Baru-baru ini, mereka kata sandiwara tragedi Sauk ditujukan kepada peristiwa rompakan senjata di kem Grik, Perak. Persoalannya, mana mungkin rompakan senjata dilakukan orang lain dan pihak lain pula menembak anggota pasukan keselamatan?

BH: Adakah dakwaan sedemikian dianggap menghina anggota keselamatan dan menidakkan tahap profesional dan kredibiliti mereka?

MD JAIS: Saya percaya anggota keselamatan negara sentiasa bersikap profesional dalam menjalankan tanggungjawab memelihara keamanan dan kedaulatan negara. Pembangkang cuba bermain api dengan merendahkan kredibiliti pasukan keselamatan. Perkembangan ini sangat membimbangkan kerana pihak berkenaan (anggota keselamatan) ialah satu entiti bebas yang tidak sepatutnya diseret dalam permainan politik sempit.

Justeru, Pas perlu memohon maaf kepada seluruh warga anggota keselamatan kerana ketelanjangan memfitnah mereka.

BH: Keadilan menerima tamparan hebat apabila ramai ahlinya keluar parti ketika kempen pilihan raya kecil Indera Kayangan memuncak. Apa komen saudara?

MD JAIS: Sejak dulu lagi orang memperkatakan Keadilan sedang menuju zaman kejatuhannya. Satu persatu orang kuatnya mengundur diri kerana sudah tidak yakin dengan perjuangannya yang semakin jauh tersasar. Sebagai parti serpihan, Keadilan memang sangat rapuh dan hanya menunggu masa untuk

runtuh sepenuhnya.

Tindakan ahli, terutama pemimpin Keadilan negeri Perlis keluar parti baru-baru ini adalah satu petanda bahawa Keadilan bakal kehilangan sokongan rakyat Malaysia. Ini juga membuktikan Barisan Nasional (BN) dan Umno masih diperlukan sebagai wadah untuk membela nasib bangsa Melayu, sekali gus memacu negara ke arah kemajuan dan kemakmuran.

BH: Adakah calon BN, Oui Ah Lan, mempunyai harapan cerah untuk mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan?

MD JAIS: Perkembangan terbaru menunjukkan calon BN mendahului lawannya dalam usaha merebut kerusi DUN Indera Kayangan. Dengan latar belakang yang cemerlang sebagai pendidik dan guru besar, beliau ialah anak tempatan yang disenangi masyarakat sekitar. Ditambah dengan 'track record' BN yang sentiasa prihatin dengan kebajikan rakyat, saya percaya pengundi di Indera Kayangan tidak akan teragak-agak memilih calon BN sebagai wakil rakyat.

BH: Tetapi, ada di kalangan pemimpin Keadilan yang menggunakan serangan peribadi sebagai bahan kempen?

MD JAIS: Seperti yang kita ketahui, pembangkang sudah tiada isu untuk dibangkitkan dalam pilihan raya kecil ini. Rakyat sudah muak dengan modal ceramah mereka yang sudah basi itu. Justeru, untuk menagih sokongan rakyat, pembangkang akan menyerang peribadi pemimpin BN bagi memberi imej buruk kepada calon yang bertanding.

Bagaimanapun, kita boleh lihat sendiri bahawa taktik kotor seperti itu tidak akan berjaya menarik sokongan rakyat. Malah, dari sehari ke sehari sokongan terhadap BN semakin bertambah dan kukuh.

BH: Bagaimana pula dengan sikap pemimpin Keadilan yang menggunakan peristiwa kematian anak Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, sebagai bahan kempen?

MD JAIS: Sebagai orang Melayu beragama Islam, tidak sepatutnya peristiwa sedih yang melanda seluruh keluarga Shahidan dijadikan modal ceramah. Ini membuktikan pembangkang sudah hilang akal dan budi hingga sanggup menyetepikan perasaan orang lain dalam usaha meraih sokongan.

Kejadian ini juga membuktikan pemimpin muda Keadilan belum matang dalam berpolitik. Sepatutnya, isu seperti ini tidak dibawa ke medan politik. Ia adalah takdir Allah dan sebagai umat Islam, kita perlu menghormati kematiannya. Individu yang memulakan isu ini perlu memohon maaf kepada Shahidan dan seluruh anggota keluarganya.

BH: Sebelum mengakhiri temu bual ini, boleh nyatakan harapan saudara sebagai pemimpin muda dalam Umno?

MD JAIS: Dalam usaha meramaikan ahli Umno, saya harap kita akan dapat ahli yang setia dan memahami perjuangan parti. Dulu, kita tidak juga memiliki ahli yang sangat ramai, tetapi kita ada penyokong setia yang sedar bahawa Umno ialah wadah untuk membela agama, bangsa dan tanah air.

Hari ini, walaupun kita ada ramai ahli, saya bimbang mereka tidak menjiwai semangat Umno yang sebenar. Sebab itu, saya berharap Umno melakukan satu gerakan untuk memberi kefahaman kepada orang Melayu mengapa kita perlu menjadi ahli Umno dan terus menyokongnya.

Jika kita berjaya tanamkan semangat ini di kalangan ahli, saya percaya Umno tidak akan menghadapi masalah walau apa pun yang melanda parti ini. Kita tidak mahu ada orang tinggalkan Umno hanya kerana mahu mempertahankan individu tertentu.

Kemudian, golongan inilah yang menyerang Umno kiri dan kanan walaupun suatu ketika dulu mereka mengecap nikmat kemewahan hasil perjuangan Umno. Inilah contoh ahli politik yang hanya memikirkan soal habuan dan kekayaan. Mereka akan jadi dalang untuk menggagalkan segala usaha yang dijalankan Umno.